

20 SEP 1997

Jerebu-Polis

POLIS DIARAH BERSIAP SEDIA 24 JAM

KUALA TERENGGANU, 20 Sept (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara diarah supaya bersiap sedia 24 jam bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan keadaan jerebu yang melanda seluiruh negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting berkata arahan itu juga meliputi agensi-agensi di bawah kementerian iaitu Jabatan Pertahanan Awam dan Ikatan Relawan Rakyat (Rela).

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu di sini hari ini. Ong tiba di sini bagi penutupan mesyuarat Kementerian yang membincangkan dasar dan perancangan jangka pendek dan panjang.

Katanya, tindakan selanjutnya ialah berdasarkan arahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengarah Gerakan Negara.

Ong berkata cuti semua kakitangan agensi-agensi yang terlibat di bawah Kementerian akan ditapis dan hanya permohonan cuti kakitangan yang benar-benar memerlukannya atau kerana masalah kesihatan akan dipertimbangkan.

Mengenai keadaan di Sarawak yang telah diisytihar jerebu, Ong berkata polis di negeri itu bukan sahaja menjaga keselamatan, malah membantu rakyat dengan memberi bantuan kecemasan dalam keadaan darurat sekarang.

Mengenai jumlah anggota polis di negeri itu, beliau berkata buat masa ini jumlah anggota polis di Sarawak mencukupi untuk menangani keadaan dan mereka menjalankan tugas mengikut arahan daripada Majlis Keselamatan Negeri.

Ong berkata akan diberikan oleh ibu pejabat polis di Kuala Lumpur jika keadaan memerlukan dan mendapat permintaan daripada polis negeri itu.

Ong dan rakan sejawatnya Datuk Tajol Rosli Razali menghadiri penutupan mesyuarat oleh kementerian di Tasik Kenyir. Mesyuarat bermula 18 Sept lepas.

Menurutnya, laporan mesyuarat akan diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri. -- BERNAMA

SBS FAZ